

KUALITI DAN AMALAN SINERGOGI: SUATU PENGENALAN

Oleh:
Hj. Mohd Nor bin Anuar*

Abstrak

Semua pendekatan pendidikan bertujuan menghasilkan perubahan sama ada perubahan sikap, tingkah laku, kualiti atau tahap profesional. Pengurusan perubahan merupakan satu peranan dan tanggungjawab kepada semua pihak yang terlibat dengan sesebuah sistem pendidikan meliputi pendidikan asas, menengah dan tinggi. Justeru itu, pendekatan sinergogi berkait dengan usaha dan tindakan yang berstruktur dan interaktif supaya keupayaan pembelajaran dapat dipertingkatkan. Sinergogi mendokong falsafah pendidikan sepanjang hayat sebagai mana diperjuangkan pendidikan Islam. Peranan dan tanggungjawab pendidik sebagai 'synergizer' menuntut suatu kepakaran dalam merekacipta prasarana-prasarana sinergogi atau membina mekanisme pembangunan profesionalisme seterusnya mampu melestarikan kualiti-kualiti kekhilafahan yang sedia ada dan yang berterusan di semua lanskap pendidikan. Bukan setakat itu sahaja, pendidik akan terus memantau kualiti pencapaian anak didik mereka mengikut standard yang telah diperakukan oleh MQA, ISO dan lain-lain.

Pendahuluan

Tujuan pembelajaran dan pengajaran ialah untuk menjaga maslahah manusia dari segi akal seterusnya menyumbang keupayaan akal

* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Syariah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Nilam Puri.

untuk kepentingan agama, nyawa, keturunan dan harta meliputi hidup manusia di dunia dan di akhirat. Justeru itu, Imam al-Syatibi menegaskan bahawa tujuan Allah SWT menguatkuasakan syariat Islam adalah untuk memelihara kemaslahatan manusia, yang juga merupakan risalah Rasulullah s.a.w. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan tidaklah Aku mengutuskan engkau (Muhammad s.a.w) melainkan sebagai rahmat bagi sekelian alam". Perkataan rahmat itu mengandungi maksud memelihara dan menghasilkan maslahah dan menolak mafsaadah (keburukan). Dalam konteks kajian ini, amalan sinergogi menjadi al-hikmah kerana menjadi strategi menuntut ilmu sebagai suatu proses pembelajaran berterusan yang dituntut oleh syara' bagi mencapai maslahah insaniah. Tuntutan menguasai ilmu adalah penyempurnaan kewajipan dan perintah untuk mewujudkan maslahah tersebut.

Kepentingan Sinergogi

Sinergogi mempromosikan anjakan dan fleksibiliti kepada organisasi supaya wujud keanjalan daripada kepelbagaiannya yang ada. Dengan menggunakan beberapa rekabentuk sinergogi, kemampuan organisasi meningkatkan kuasa pembelajaran melalui tugas berpasukan dibina supaya transaksi afektif (EQ) dan kognitif (IQ) di kalangan warganya akan mengalami kesan berganda. Oleh itu, sinergogi lebih berfokus kepada pendidikan ijtimaiyyah (berpasukan) berbanding dengan pendidikan imaniyyah, 'ibadiyyah, akhlaqiyyah, jasmaniyyah dan sebagainya, dalam usaha mendapatkan nilai penuh keupayaan pembelajaran.

Tugasan secara berpasukan yang menjadi teras reka bentuk sinergogi bertujuan untuk membenamkan kelemahan-kelemahan yang ada. Ini merupakan tujuan sinergogi secara umum. Kesilapan yang mungkin dilakukan oleh warga tertentu akan menjadi peluang bagi warga-warga lain untuk mempelajari sesuatu dan melakukan penambahbaikan di mana kelemahan tersebut akan dapat diatasi oleh warga lain.

Bagaimanapun pendidikan ijtimaiyyah ini memerlukan setiap pasukan berada dibawah bimbingan dan pemudahcaraan seorang guru mentor bagi memastikan proses menjana nilai penuh sesebuah pasukan melalui bina upaya pembelajaran akan sentiasa dipertahankan. Pemudahcaraan tadi boleh menjadi satu cara penembusan sosial dalam mencari makna.

Pendekatan dan reka bentuk sinergogi mempunyai ciri-ciri persaingan menang-menang yang mampu menjana konsep dan aplikasi pendidikan sepanjang hayat seperti berikut:


- a) Budaya menyumbang kepada pasukan dan organisasi.
- b) Pembelajaran kendiri secara fleksibel bersama rakan sepasukan.
- c) Sistem terbuka kepada kitaran pembelajaran pelbagai hala (secara kontekstual).
- d) Pendekatan saintifik dan sistemik dalam menyelesaikan sesuatu masalah (inkuiri praktikal).
- e) Orientasi pembelajaran berdasarkan pemikiran reflektif dan konstruktivisme sosial.

Definisi Sinergogi

Sinergogi ialah satu ungkapan gabungan daripada dua perkataan Yunani, iaitu 'synergos' yang bermaksud bekerjasama dan 'agogus' yang bermaksud pengajar. Dalam ertikata lain, sinergogi merupakan satu pendekatan belajar melalui kerja berpasukan dengan reka bentuk interaksi yang berstruktur. Aplikasinya akan memberi faedah kepada program pendidikan di Malaysia kerana ilmu, kemahiran dan nilai boleh disepadukan ke arah melahirkan insan yang berketrampilan dan berkesan¹.

Berdasarkan rajah berikut, didapati terdapat beberapa ciri khusus yang mewakili tiga bidang pendidikan yang berbeza pendekatan tetapi satu halatuju dan menyediakan medan kerja lapangan bagi penyelidikan pendidikan iaitu:

Rajah 1.1: Perpektif Pendidikan Sepanjang Hayat Dalam Program Pendidikan Guru.



Dengan melihat kepada perspektif pendidikan menyeluruh di atas maka jelas bahawa sinergogi mempunyai tujuan dan falsafah pendidikan sepanjang hayat sebagai terkandung di dalam kata-kata berikut:²

أطلب العلم من العبد إلى اللہ

“Tuntutlah ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad”.

Pendekatan Pedagogi

Pedagogi ialah cara mengajar sehala yang lebih berfokuskan guru di mana guru lebih aktif tetapi pelajar lebih pasif. Pendekatan sehala ini sesuai dengan orientasi pengetahuan konsep dan kemahiran pada peringkat pendidikan asas dan menengah rendah yang memerlukan pelajar memberi tumpuan dan perhatian lebih kepada pengajaran guru. Cara ini memastikan unit-unit sukatan pelajaran dapat dipelajari sepenuhnya.

Lanskap pendidikan awal (sekolah rendah) dan rendah (menengah rendah) menggunakan pendekatan pedagogi kerana darjah pergantungan pelajar terhadap guru adalah terlalu tinggi. Di peringkat ini tumpuan pembelajaran ialah kepada arahan dan penerangan guru terlebih dahulu dan ia menjadi pendekatan utama bagi pendidikan asas. Peranan guru adalah seperti ‘seorang ilmuwan yang berkhutbah di atas pentas’ di mana segala isi penyampaiannya bersifat aksiomatik, iaitu dianggap benar belaka.

Paradigma Pedagogi

Berikut ialah ciri-ciri pedagogi yang lebih sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran di peringkat asas:

as an di ni a n n i	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 25%; padding: 5px;">INPUT</td><td style="width: 75%; padding: 5px;"> 1. Fokus Pengajaran 2. Berpusatkan Guru 3. Pemberkualitihan 4. Serpihan 5. Keseragaman </td><td rowspan="3" style="width: 40%; vertical-align: top; padding: 5px;"> Pegagogi menggunakan kaedah/teknik mengajar seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan • Sumbangsanar • Demonstrasi • Model hidup • Model simbolik • Model persepsi • Penyelesaian Masalah • Kumpulan • Simulasi • Projek • Lawatan </td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">PROSES</td><td style="padding: 5px;"> 6. Sistem Berpusat 7. Akur dengan peraturan 8. Kurikulum mengikut sukanan 9. Terpisah 10. Riaktif </td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">OUTPUT</td><td style="padding: 5px;"> 11. Berfokuskan Disiplin 12. Berstruktur 13. Penilaian setara </td></tr> </table>	INPUT	1. Fokus Pengajaran 2. Berpusatkan Guru 3. Pemberkualitihan 4. Serpihan 5. Keseragaman	Pegagogi menggunakan kaedah/teknik mengajar seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan • Sumbangsanar • Demonstrasi • Model hidup • Model simbolik • Model persepsi • Penyelesaian Masalah • Kumpulan • Simulasi • Projek • Lawatan 	PROSES	6. Sistem Berpusat 7. Akur dengan peraturan 8. Kurikulum mengikut sukanan 9. Terpisah 10. Riaktif	OUTPUT	11. Berfokuskan Disiplin 12. Berstruktur 13. Penilaian setara	Pegagogi menggunakan kaedah/teknik mengajar seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan • Sumbangsanar • Demonstrasi • Model hidup • Model simbolik • Model persepsi • Penyelesaian Masalah • Kumpulan • Simulasi • Projek • Lawatan
INPUT	1. Fokus Pengajaran 2. Berpusatkan Guru 3. Pemberkualitihan 4. Serpihan 5. Keseragaman	Pegagogi menggunakan kaedah/teknik mengajar seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan • Sumbangsanar • Demonstrasi • Model hidup • Model simbolik • Model persepsi • Penyelesaian Masalah • Kumpulan • Simulasi • Projek • Lawatan 							
PROSES	6. Sistem Berpusat 7. Akur dengan peraturan 8. Kurikulum mengikut sukanan 9. Terpisah 10. Riaktif								
OUTPUT	11. Berfokuskan Disiplin 12. Berstruktur 13. Penilaian setara								

Pendekatan Andregoggi

Andregoggi pula ialah cara mengajar dan belajar dua hala di mana guru dan pelajar berhubung secara interaktif dalam proses perbincangan dengan lebih dinamik serta rancak. Orientasi pelajar di sini banyak melibatkan komunikasi dan teknik perbincangan memandangkan guru mengambil kira usia dan pengalaman pelajar yang terdiri daripada golongan pertengahan dan tinggi bagi merapatkan jurang kefahaman dan tanggapan terhadap sesuatu teori dan perinsip yang diajar.

Pelajar dewasa berada dalam lingkungan 21 tahun ke atas, telah melepassi pendidikan menengah, bekerja dan berpengalaman. Dewasa bermaksud mempunyai pemikiran dan perasaan yang matang. Ringkasnya, andregoggi merupakan aktiviti pembelajaran orang dewasa untuk meningkatkan kesedaran, menambahkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada mereka³. Pengalaman diambil kira dalam

pendekatan andregogi sebagai sumber ilmu serta menjadi sebahagian dari bahan-bahan pembelajaran kolektif.

Paradigma Andregogi

Berikut ialah ciri-ciri andregogi yang lebih sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran di kalangan orang dewasa:

Pembelajaran Terarah Kendiri	1. Berlaku satu perubahan dari kebergantungan sepenuh kepada pertambahan pembelajaran terarah kendiri, iaitu suka mengambil tanggungjawab untuk diri sendiri	Andregogi adalah bidang golongan dewasa belajar. Di antara proses pembelajaran orang dewasa ialah: <ul style="list-style-type: none">• Pembelajaran berterusan• Pembelajaran bukan formal• Pembelajaran jarak jauh• Pendidikan komuniti• Pembelajaran dewasa
Sumber pengalaman	2. Berpengalaman dan pengalaman dijadikan asas untuk pembelajaran baru dan sebagai sumber untuk dikongsi dengan rakan sejawat.	
Praktikaliti	3. Kesediaan pembelajaran mereka meningkat apabila bila berkeyakinan bahawa ia boleh meningkatkan keberkesanan dan lebih praktikal	
Realistik	4. Keperluan terhadap sesuatu yang realistik, bukan teoritikal dan konseptual.	
Motivasi	5. Golongan dewasa terangsang untuk belajar disebabkan faktor-faktor dalaman seperti self-esteem, pengiktirafan, ingin tahu, meningkatkan kualiti hidup dan mengambil peluang untuk kepuasan kendiri.	

ian

Pendekatan Sinergogi

Manakala sinergogi ialah cara mengajar dan belajar pelbagai hala di mana pihak yang memberi/mengajar dan menerima/belajar saling berkemungkinan memainkan peranan mengajar sambil belajar. Peranan guru tidak lagi ketara malah guru mungkin bertindak sebagai pelajar dalam masa yang sama, sambil mengajar.

Keadaan ini disebabkan pelajar juga mempunyai pengetahuan kandungan atau kemahiran profesional yang tidak jauh berbeza dengan guru dan ada perkara-perkara baru untuk guru sendiri mempelajarinya. Oleh itu guru bertindak sebagai pemudahcara dan pemantau aktiviti pembelajaran pelajar-pelatih justeru terdapat pelbagai unsur dan dimensi kepelbaagaian yang dihadapi dalam satu masa. Bagaimanapun pendekatan sinergogi tidak boleh terlepas daripada cakupan pedagogi dan rangkuman andregogi di mana suatu rumusan penyelesaian pelbagai hala mengikut reka bentuk sinergogi hendaklah disediakan oleh pengaturcara sistemik yang mahir dan berpengalaman.

Apa yang dimaksudkan dengan istilah konsensus ialah kepekaan guru atau pendidik dengan masalah pembelajaran dengan melihat tindak balas pelajar dan maklum balas profesional secara keseluruhan dan mencari penyelesaian yang sesuai serta lebih praktikal.

Paradigma Sinergogi

Berikut ialah ciri-ciri sinergogi yang lebih sesuai untuk pelajar-pelajar di peringkat tinggi dan profesional:

ASAS	1. Fokus Pembelajaran 2. Berpusatkan Individu 3. Penambahbaikan * Berterusan 4. Bersepada 5. Kepelbagaian	Sinergogi disebut juga sebagai pedagogi bestari. Proses sinergogi mempunyai ciri-ciri berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Mediatif • Generatif • Pemerhatian • Kontekstual • Metakognitif • Kajian Lapangan • Kolaboratif
TERAS	6. Tersebar 7. Penurunan kuasa 8. Kurikulum pelengkap 9. Kolaboratif 10. Proaktif	
KEMBANGAN	11. Pelbagai disiplin 12. Fleksibel 13. Penilaian Berkriteria.	

Ia banyak digunakan pada pendidikan berskala makro bagi tujuan membangunkan profesionalisme di mana pengaturcaraan sistemik bagi program-program sokongan dibina untuk menambahupaya pembelajaran dan penyelidikan berterusan. Unsur-unsur kepelbagaian lebih ketara pada skala makro berbanding pada skala mikro pada lanskap pendidikan guru kerana melibatkan proses-proses pembelajaran berkemahiran tinggi dan profesional, terutamanya kemahiran *kontekstual* yang berupaya mengaitkan bahan/proses/kandungan pengajaran dan pembelajaran dengan situasi dunia sebenar, mengaitkan ilmu dengan aplikasi dalam kehidupan pelbagai disiplin, pengalaman dan realiti kehidupan sebagai suatu kemahiran pembelajaran kendiri dan berpasukan yang lebih bermakna.

Proses kontekstual di dalam satu kitaran maya terbentuk iaitu satu proses pendidikan berterusan atau pendidikan sepanjang hayat.

juga
bestari.

Jika dalam pendekatan pedagogi, perkembangan kualitinya bersifat top-down maka menurut pendekatan sinergogi pula, kualitinya berkembang secara bottom-up. Ini berlaku di atas teori-dalam-gunaan bahawa apabila sesuatu sistem bergerak dan telah sampai kepada tujuan akhirnya maka bermulalah pergerakan satu sistem lain di mana output sistem awal menyumbang sebagai input kepada sistem seterusnya.

Teori-dalam-gunaan bagi fenomena ini mengatakan bahawa suatu kitaran pembelajaran yang lengkap dan terbuka akan sentiasa bermula daripada 'top-down' dan berakhir dengan 'bottom-up' di mana nilai 'top-up' adalah nilai penuh kepada sistem awal dan juga menjadi nilai asas bagi kitaran sistem seterusnya. Kitaran pembelajaran berterusan bersifat merentasi sistem disebabkan berlakunya proses penambahbaikan berterusan.

Refleksi Pengalaman

Penulis telah dapat membina prasarana sinergogi semasa menjadi ketua modul program Tamadun Islam dan Asia (TITAS) untuk program kembar BPG-*University of Hertfordshire* sesi 2006 yang telah dijalankan di IPG Kota Bharu. Ia merupakan satu pengalaman untuk mendepani cabaran baru dalam konteks penarafan kurikulum ijazah antarabangsa. Sebagai satu perubahan, beberapa masalah timbul perlu diselesaikan dan memerlukan pemikiran lama dan baru sebagai usaha menghasilkan intervensi atau inovasi ke arah penambahbaikan di kalangan pelajar meneruskan proses pembelajaran.

Antara masalah yang memerlukan penyelesaian sinergistik supaya kemampuan pembelajaran kendiri pelajar meningkat ialah penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampaian, TITAS sebagai subjek baru yang terlalu konseptual dan filosofikal, interaksi pensyarah dan tutor yang terhad lantaran bertugas rasmi di luar kawasan

dan pengaturan masa interaksi kuliah dan tutorial yang tidak praktikal. Kesemua masalah ini telah menjelaskan keupayaan pembelajaran pelajar.

Oleh itu tindakan sinergogi mempunyai nilai *masalah mursalah* kerana ia mendatangkan kebaikan (penambahupayaan pembelajaran kendiri) dan menolak keburukan (faktor-faktor penyebab ketidakmampuan menghadapi tuntutan perubahan drastik). Dengan itu, keseimbangan kognitif akan dapat dipertahankan manakala kesediaan belajar diteruskan.

Fungsi Penstabil Kajian Tindakan


Setelah penulis menyelidik permasalahan tadi dan mendapati kajian tindakan mampu menyediakan tindakan-tindakan pelengkap maka fungsi kajian tindakan mengiringi sistem teras pendidikan guru supaya penambahupayaan sistem tersebut dapat dijana. Peningkatan keupayaan atau kualiti berlaku bila mana fungsi perubahan beranjak dan melintasi fungsi Lengah dan fungsi Pareto untuk mencapai sinergi optimum.

KOMPETENSI
KE
Sumber

fungsi
ketidak
kepem
menga
yang n

menye

al.
an
ih
in
ib
u,
in
na
au
n
k
ji



Sumber: Mohd Nor Bin Anuar (2009). *Budaya Penyelidikan di Sekolah. DBP.*

Fenomena ini digambarkan melalui rajah di atas, di mana fungsi lengah atau fasa beku (frozen) meningkat kerana wujudnya ketidakupayaan pendidik merancang, mena'akul dan memahami masalah kepembelajaran. Oleh itu, mengenal pasti masalah dan cadangan mengatasi masalah tersebut adalah sebahagian dari penyelesaiannya yang menyumbang hanya kualiti q1.

Sekiranya mereka merasa berpuas hati dan selesa dengan menyerahkan soal kualiti kepada beberapa kerat warga organisasi

yang secara kebetulan berminat melakukan penyelidikan atau inkuiiri praktikal di waktu lapang. Maka kestabilannya akan hanya naik setakat kualiti q2 mengikut fungsi Pareto di mana hanya 20% pekerja akan bertungkus lumus membuat kira-kira 80% kerja-kerja organisasi. Keadaan ini memerlukan penilaian strategik, analisis keperluan dan/atau kursus-kursus peningkatan profesionalisme bagi mendepani tuntutan perubahan.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

“Sesungguhnya Allah (SWT) tidak mengubah nasib (keadaan) sesuatu kaum sehingga mereka mengubah nasib (keadaan) yang ada pada diri (persekitaran) mereka”.

Al-Ra'ad (13): 11

Perubahan dalam artikel ini ialah perubahan ke arah penambahbaikan dan penambahupayaan. Persekutaran kerja tugas pembelajaran secara berpasukan dapat mempengaruhi ke arah perubahan, sebagaimana yang disebut oleh Ibn Mas'ud r.a.⁴:

اغْذُ عَالَمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ مُسْتَمِعًا وَ لَا تَكُنِ الْرَّابِعُ فِتْهَالِكَ

“Jadilah orang berilmu, atau yang belajar atau yang mendengar dan jangan jadi kelompok keempat, kerana kamu akan binasa”.

Dalam konteks sinergogi, istilah ‘kebinasaan’ dimaksudkan adalah fenomena ketakakuran sistem yang boleh menjerumus kepada keruntuhan sistem (organisasi pembelajaran). Masa lengah kepada paksi X menunjukkan kualiti meningkatkan sebanyak q1 kerana adanya perubahan sikap dan kurangnya krisis dalaman, iaitu setelah wujudnya kesedaran terhadap realiti dan keperluan untuk membuat perubahan.


Kuantiti q_2 dihasilkan dari kesan sinergi *mutualisme* kerana penggerak perubahan mendapat perhatian dan sokongan daripada warga organisasi. Kualiti q_3 akan diperolehi bilamana dinamika organisasi bergerak kepada Q mengikut orientasi program-tindakan terancang (kurang krisis dalaman) berasaskan maklumat analisis dan kajian yang berterusan. Segala keputusan dan tindakan berasaskan maklumat dan teori-dalam-gunaan yang ditemui.

Oleh itu, kelengahan melemahkan pembelajaran profesional dengan menghasilkan kesan sampingan dan tercetusnya ketakakuran sistem. Ini merupakan keburukan atau mafsadah yang hendak ditolak melalui amalan sinergogi, iaitu terhasilnya budaya melaksanakan tugas pembelajaran secara berpasukan. Naik-turunnya tahap kualiti banyak bergantung kepada fungsi penyelidikan dan penganalisisan, sebagai mekanisme merangsang perubahan dan penambahupayaan. Apabila daya tahu diikuti dengan daya mampu dan daya mahu maka jurang antara fungsi keluk penyelidikan dan fungsi keluk perubahan semakin rapat menghasilkan $q_1 + q_2 + q_3 = Q$ iaitulah nilai kualiti keseluruhan. Maka terhasil sinergi yang didefinisikan sebagai:

كل اكبر من المجموعه الأجزاء

(Suatu) keseluruhan (iaitu satu set semesta) adalah lebih besar (nilai/kualiti) daripada mana-mana himpunan juzuk (atau subset-subset yang membentuk keseluruhan itu).

Perubahan adalah sesuatu yang normal dan menjadi sebahagian daripada keperluan untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan, dengan syarat sesuatu hendaklah dilakukan. Kemungkinan perubahan tersebut membawa sesuatu perkara baru dan memaksa pendidik belajar semula. Sewajarnyalah mereka kemukakan rumusan penyelesaian untuk mencapai maslahah *juz'iyyah* (mikro) seterusnya menyumbang kepada maslahah *kulliyyah* (makro). Berikut ialah sampel rumusan mikro⁵:



Budaya kolaborasi, perkongsian dan penyelidikan terhasil dari sinergi maya atau *virtual synergy* di mana ahli-ahli pasukan petugas saling membantu, menyokong dan berkongsi idea dan pengalaman. Organisasi pembelajaran terbentuk apabila ia mempunyai blueprint penyelidikan, analisis keperluan dan kajian tindakan. Aliran fungsi penyelidikan boleh mengenyahkan gejala kelengahan kerana segala keputusan dan tindakan susulan dibuat berdasarkan kesahan maklumat dan fakta. Kajian tindakan sebagai rumusan mikro menjadi pelengkap kepada rumusan makro yang asas untuk menghadapi perubahan dan menghilangkan kesusahan akibat adanya perubahan itu.

Kemahiran *Componential* mampu menyerlahkan kepakaran dan maklumat profesional yang memungkinkan mereka melihat pelbagai komponen dan anatomi permasalahan sesebuah organisasi pembelajaran. Kemahiran *Experiential* melihat pengalaman dan

penerokaan intelektual sebagai syarat kepada pembelajaran terarah kendiri yang mampu meluaskan makna pendidikan berterusan. Kemahiran *Contextual* adalah gabungan antara kemahiran *Componential* dengan kemahiran *Experiential* yang memungkinkan tercapainya sinergi optimum melalui transizigi, iaitu proses penseajaran ilmu atau REACT.

Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual - R E A C T

Kuasa pembelajaran sinergistik apabila sesuatu tugas dilaksanakan secara berpasukan dapat dijelaskan melalui kemahiran kontekstual atau REACT berikut:

Relating (perkaitan)	Pembelajaran dalam konteks kehidupan harian	<ul style="list-style-type: none">Mempelajari fakta-fakta, ilmu, proses dan prosedurMempelajari kemahiran baru yang boleh dipindahkan kepada situasi baru yang memerlukannya untuk mendepani perubahanMempelajari untuk menyesuaikan diri dengan situasi lebih dinamik melalui alihbina, ujikaji dan refleksi pengalamanMempelajari kaedah dan/atau rekabentuk pembelajaran secara inovatif dan kreatif supaya andaian-andaian yang mendasari sesuatu teori dan premis keilmuan dinilai semula.
Experiencing (pengalaman)	Pembelajaran dalam konteks penerokaan, pengembaraan dan perekaan	
Applying (penggunaan)	Pembelajaran dalam konteks penggunaan ilmu dan maklumat	
Cooperating (kerjasama)	Pembelajaran dalam konteks perkongsian, tindak balas dan komunikasi dengan pihak lain	
Transferring (Pemindahan)	Pembelajaran dalam konteks ilmu terkini di mana ia digunakan dan dibangunkan	

Penghasilan Q secara berterusan bermakna organisasi bebas dari sindrom berikut:

- sindrom tahu dan mampu tetapi tidak mahu
- sindrom tahu dan mahu tetapi tidak mampu
- sindrom mahu dan mampu tetapi buat tak tahu (sikap tidak-apathy).

Keupayaan melenyapkan sindrom-sindrom kelengahan merupakan faktor kritikal kejayaan (CSF) bagi sesebuah organisasi. Keupayaan tersebut dijana melalui prasarana-prasarana sinergogi. Aliran fungsi penyelidikan akan mengeluarkan organisasi dari zon tidak-apathy atau mengurangkan gejala pembaziran ketekunan kerana daya tahu diikuti dengan daya mampu dan daya mahu sedangkan aliran Pareto memiliki daya tahu tetapi tidak diikuti dengan daya mampu dan daya mahu.

Malah pada setiap reka bentuk kurikulum biasa yang dibina mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri di mana kesepadan unsur-unsur kekuatan dari pelbagai reka bentuk sistemik menjadi satu keperluan yang diutamakan bagi agenda membina modal insan atau insan glokal.

Sinergogi merupakan satu pendekatan yang menggalakkan pendidik ‘berfikir di luar kotak’ (di luar pendekatan, aliran dan domain sedia ada), menyepadukan kelebihan-kelebihan dan membenamkan kelemahan-kelemahan supaya antara satu unit kekuatan dengan unit kekuatan yang lain saling lengkap melengkapi untuk mencapai matlamat bersama.

Skala Kualiti Dalam Sinergogi

Berikut ialah skala kedudukan/tahap pencapaian sinergi bagi kumpulan/pasukan yang hendak dinilai sebelum, semasa dan setelah menyempurnakan tugasannya masing-masing⁶:

bas ak- an si. gi. ak- ya an an na na ik al in in in it at ji h	TIADA SINERGI	KURANG SINERGI	LEBIH SINERGI	SANGAT SINERGI	SINERGI OPTIMUM
	<p>Pada zon ini terdapat unsur-unsur 'parasit' di dalam kumpulan di mana kerjasama antara ahli-ahli kumpulan tidak wujud. Malah ada beberapa ahlinya yang suka bekerja secara berasingan dan tergamak memporak-perandakan kumpulannya sendiri.</p>	<p>Keadaan pada zon ini tidak terdapat unsur parasit dalam hubungan sesama ahli di mana sudah ada kesedaran untuk membuat perubahan melalui interaksi dan refleksi (muhasabah). Bagaimana pun mereka masih sukar mendapatkan kata sepakat untuk bekerja secara berpasukan. Kerja tugasan dijalankan sekadar asal buat.</p>	<p>Keadaan sudah berubah kerana unsur-unsur kolaborasi, perkongsian dan kejelekitan sesama ahli kumpulan telah menjadi budaya kerja berpasukan. Prasarana-prasarana sinergogi berkenaan membantu memper-cepatkan 'kesan panas' terhadap perubahan sikap, tingkahlaku dan pemikiran ke arah pembelajaran.</p>	<p>Di peringkat ini berlaku beberapa ilusi atau keajaiban di mana ahli-ahli kumpulan yang dahulunya dianggap 'parasit' atau 'toksyid' tetapi kini telah berubah menjadi 'sahabat' organisasi. Kualiti cemerlang hasil kerja berpasukan bermula dari zon pelaksanaan kurikulum ini. Terdapat aktiviti penilaian kendiri yang menghasilkan sinergi maya dengan tersebarnya maklumat-maklumat dari sesebuah kumpulan kepada kumpulan-kumpulan lain untuk dimanfaatkan bersama.</p>	<p>Dengan perubahan yang dilakukan, kumpulan-kumpulan petugas telah dapat meletakkan kualiti secara menyeluruh pada komponen-komponen yang ada pada sistem berorganisasi. Mereka mencapai keadaan keseimbangan sistemik di mana keperluan dan jaminan kualiti adalah seajar dengan visi pendidikan negara dan FPK. Keadaan ini tercapai hasil dari penilaian dan tindakan berterusan untuk menamba nilai kualiti dalam semua komponen dan dimensi pendidikan sama ada secara formal, non-formal dan tak-fomal.</p>

Berdasarkan jadual di atas, ciri-ciri manusia X di kalangan pelajar terkumpul dalam lajur 'tidak sinergi' kerana mereka berada di dalam keadaan 'selesa' tidak mahu berusaha lebih, suka ponteng belajar dan suka disuruh. Sekiranya mereka diberi peluang mengikuti reka bentuk program berdasarkan sinergogi kemungkinan besar perubahan sikap dan tingkah laku akan merubah kedudukan mereka sebagai manusia X kepada manusia Y sehingga mampu memasuki lajur 'sangat sinergi'.

Modul Kontekstual

Frasa 'menyepadukan kelebihan-kelebihan' sebagai mana tersebut di atas memerlukan kemahiran mengurus maklumat di samping melaksanakan fungsi REACT semasa melakukan aktiviti pembelajaran. Fungsi-fungsi pengurusan yang perlu dilaksanakan dalam setiap tugas kumpulan/pasukan atau organisasi pembelajaran ialah perancangan, kepimpinan, pengaturan, penyelarasan dan pengawalan (PLOCC). Pengurusan tugas secara berpasukan meliputi aspek-aspek urutan rancangan dan pengaturan tugas, pengawalan tujuan tugas dan penyelarasan bahan dan rujukan.


Urutan	Tujuan	Bahan	Rujukan
Tutorial 1 (kajian perspektif): 1. Pendahuluan 2. Latar Belakang dan perspektif Pengajian Malaysia 3. Rumusan 1.	1. Membina perspektif keseluruhan	Sinergi 1 (q1) ■ Skema Sosiografi ■ Graf ■ Huraian secara berpasukan	<input type="checkbox"/> Buku-buku sejarah Malaysia <input type="checkbox"/> Buku-buku ketamaddunan Islam dan Asia <input type="checkbox"/> Buku Kenegaraan Malaysia

ajaran Islam dan ntuk kap a X but ing an. an an, C). an an	Tutorial 2 (pembentangan): 4. Pendahuluan (rumusan 1) 5. Fokus analisis 6. Definisi konsep istilah-istilah utama 7. Pengumpulan data-data Pengajian Malaysia (data transformasi) 8. Rumusan 2 (hipotesis.)	1. Mengemukakan konsep-konsep ketamaddunan, kenegaraan dan kemanusiaan. 2. Mengemukakan idea-idea berkaitan bagi mengembangkan perspektif terdahulu 3. Menyusun atur maklumat dan fakta relevan	Sinergi 2 (q2) ■ Perbandingan pemikiran Pengajian Malaysia melalui: o Buku teks o Buku rujukan o Jadual/rajah/ peta minda/ carta aliran	<input type="checkbox"/> Skema tutorial 2 <input type="checkbox"/> Pembaharuan atau tambahan ke atas perspektif tutorial 1.
	Tutorial 3 (triangulasi rumusan) 9. Pendahuluan (rumusan 2) 10. Tinjauan karya/ulasan buku-buku ilmiah (proses tinggalan) 11. Rumusan akhir (dapatkan kajian mengikut bilangan ahli pasukan).	1. Mengaitkan rumusan 2 dengan sumber- sumber rujukan mewakili pihak ketiga. 2. Menyiapkan folder kajian berpasukan.	Sinergi 3 (q3) ■ Rujukan ke atas 5 buah buku/jurnal berkaitan dengan bidang dan tajuk kajian Pengajian Malaysia.	<input type="checkbox"/> Skema/rajah perspektif tutorial 1 dan tutorial 2. <input type="checkbox"/> Lampiran salinan slaid pembentangan <input type="checkbox"/> Rujukan buku- buku/jurnal.
PLOCC		Sinergi Optimum		

Sinergi optimum iaitu nilai penuh dalam kualiti dicapai hasil kesediaan, kolaborasi, perkongsian dan kejelekitan yang berterusan di kalangan warga organisasi. Ia membawa kesan ‘penyuburan’ kepada nilai-nilai teras yang hendak dikembangkan dalam jaringan kerja.

Berdasarkan rajah di atas, selepas pengkaji melakukan permerhatian awal dalam fasa separuh masa pertama dan mengenalpasti aspek amalan yang bermasalah dalam kitaran 1 kajian tindakan dan aspek perancangan tindakan dalam kitaran 2 kajian tindakan yang diperlukan maka satu susulan program tindakan sinergogi dilaksanakan pada kitaran 3 kajian tindakan dalam fasa separuh masa kedua. Perubahan dari kumpulan asal (rekabentuk TMTD) kepada kumpulan kembangan (rekabentuk PJD) adalah satu strategi untuk menambah keupayaan strategik setiap pelajar dengan ahli-ahli kumpulan lain.

Sampel ASinergogi-Dalam-Perlakuan (MIKRO): Pengalaman Latihan Guru Program Kembar BPG-University of Hertfordshire⁷



Gerak kerja berpasukan dalam kumpulan kembangan menjana ciri-ciri keterbukaan, perkongsian dan kesediaan secara bertanggungjawab iaitu apa yang disebut sebagai prasarana emosi dan sosial. Kumpulan kembangan dibentuk daripada kumpulan asal mengikut urutan nombor ahli yang mewakili setiap kumpulan asal masing-masing dan diagihkan semula ke dalam kumpulan baru mengikut identiti baru iaitu kumpulan mengikut unit-unit kandungan subjek TITAS. Dengan cara ini wakil-wakil kumpulan asal diharap akan memperolehi semua maklumat unit-unit TITAS melalui kumpulan kembangan secara intrapersonal dan interpersonal bagi menyempurnakan tugas sumatif apabila mereka kembali semula kepada kumpulan asal masing-masing pada pertengahan separuh masa kedua kelak. Lanskap pendidikan mereka meningkat melalui perubahan rekabentuk tadi.

Tindakan ini lebih berfokus kepada penambahbaikan aspek-aspek tugas melalui inisiatif pelajar meningkatkan kemahiran pembelajaran kendiri yang diperolehi oleh guru pelatih secara berterusan. Langkah ini juga membuka peluang kepada seseorang ahli pasukan terlibat dalam *zone of proximal development* dengan memiliki sikap dan fikiran yang lebih terbuka dan mempunyai kesediaan untuk berkongsi maklumat dan idea dengan pihak luar dari kumpulan asal. Strategi ini akan turut membantu mereka meningkatkan lagi keupayaan-keupayaan pembelajaran kendiri yang sedia ada dengan orientasi menang-menang. Keupayaan strategik seperti kemahiran membuat refleksi dan kemahiran kolaborasi dapat dicungkil mengikut perubahan rekabentuk kurikulum tersebut.

SAMPEL B: Sinergogi-Dalam-Perlakuan (MAKRO): Program Memperkasakan Sekolah Pedalaman (PPD Gua Musang) Melalui Pembangunan Pusat Sumber⁸.

	Faktor PS	Faktor PJ	Faktor PB	Tahap
Jan	Merancang dan merangka program Hari Bersama Pengguna Pusat Sumber Sempena Pelancaran Sistem ILMU Pusat Sumber pedalaman			
Feb	Membentuk pakatan dan pasukan program kempen dan Pameran Membaca 2007 peringkat IPKB kerjasama dengan perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dan Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kelantan	PENILAIAN	Program Pengisian Jabatan	PEMBANGUNAN
Mac	Mengenal pasti masalah di sekolah (Kursus KT bermula)			ZON REFLEKSI
Apr	Mengumpul dan menganalisis data pertama (pemantauan KT)			ZON PEMBANGUNAN PROKSI
Mei	Merancang dan melaksanakan tindakan / aktiviti pertama (pemantauan)		Melaksanakan projek khas pensiangan-Salinantan dan program KIA2M	
Jun	Mengumpul dan menganalisis data kedua			
Jul	Merancang dan melaksana tindakan / aktiviti kedua (pemantauan)			
Ogos	Jalinan Strategik antara pelbagai agensi. IPKB PNM JPN JHEOA dan Pasukan Keselamatan		Program Pengisian Pusat Sumber	Program Bina PS BK
Sept	Proses dokumentasi dan pelaporan		Menulis dan pembentangan laporan Kajian Tindakan dan Impak	ZON REFLEKSI

Berdasarkan sampel di atas, sinergi optimum yang dicapai mampu menjadikan jaringan kerja antara pelbagai kumpulan sebagai proses pembangunan kendiri meliputi komponen-komponen transpersonal, intrapersonal dan interpersonal dan sebagai sebuah organisasi pembelajaran dengan mengamalkan aspirasi dan hasrat KIAS.

m
ui

Lanskap pembelajaran sinergistik menampilkan satu perspektif pendidikan yang holistik. Pengezonan tindak laku dan taksiran atau performing dan assessing iaitu daerah kontekstual atau praktikal yang menukar bentuk tenaga, rintangan dan kecerdasan kepada kesedaran intelektual. Kedua-dua daerah ini dikenali sebagai lanskap interpersonal. Pengezonan penstrategisan atau strategizing iaitu daerah psikologi seperti minda dan emosi di mana perkara-perkara seperti penteorian, impian dan perasaan yang penting menjadi titian komunikasi dalam antara daerah asalan atau origins dengan hasil tindakan atau outcomes yang kemudiannya diintegrasi menjadi fokus, keperibadian dan perlakuan. Daerah yang berunsur kejiwaan dan emosi ini dikenali juga sebagai lanskap intrapersonal.

Pengezonan wawasan atau visioning iaitu ufuk atau daerah kerohanian yang meneroka ke arah tujuan asal kewujudan yang menjadi paksi kepada binaan interaksi dengan ufuk-ufuk atau zon-zon lain. Dalam konteks penulisan di sini, ia dikenali sebagai lanskap transpersonal. Perkembangan ketiga-tiga lanskap tersebut berlaku dalam bentuk ledakan ubudiyah dalam ertikata perlakuan-perlakuan di atas lapisan lanskap-lanskap itu merupakan penterjemahan ilmu, kemahiran dan nilai yang dijana daripada kesedaran agama yang dimiliki. Ketiga-tiga daerah akan membentuk kitaran al-Fikr wa al-Zikr. Berikut ialah perkembangan tahap kemahiran pembelajaran terarah kendiri dan pembelajaran pelbagai hala di institusi pengajian:

Perkembangan Tahap Pengajian/Keilmuan Mengikut Perspektif Konstruktif

Tahap Pengajian	Tahap 1 (Tahun 1)	Tahap 2 (Tahun 2)	Tahap 3	
			Tahap 3	Tahap 4
Perkembangan Pelajar	Konstruktivisme sosial iaitu ilmu dijana melalui interaksi dalam kalangan ahli pasukan dan/dengan ahli pasukan lain.	Konstruktivisme individu iaitu ilmu dijana melalui fungsi ilmu dan keilmuan seseorang individu tanpa pergantungan kritikal kepada orang lain		
Darjah Kemahiran Pembelajaran Kendiri	Darjah bantuan pengajar dan keperluan kemahiran pengajian adalah tinggi	Darjah bantuan pengajar dan keperluan kemahiran pengajian adalah sederhana	Darjah bantuan pengajar adalah rendah dan kemahiran pembelajaran kendiri mula ketara	Kemahiran pembelajaran kendiri dilakukan sepenuhnya oleh pelajar
Kemahiran-kemahiran Sinergestik Pelajar	REKREASI INTELEKTUAL: <ul style="list-style-type: none"> • Berucap • Mendengar/berfikir • Membaca • Mengkaji • Menulis • Mendokumen PENJANAAN <ul style="list-style-type: none"> • Membentang • Mengaplikasi • Memaklum balas • Membahas • Mengingat kembali • Menilai/menyimpul • Refleksi kendiri • Disiplin/kepuasan kendiri • Kerja berpasukan • Pengumpulan maklumat • Melapor hasil kajian • Membuat rujukan 	KOLABORASIDAN <ul style="list-style-type: none"> • PERKONGSIAN: • Menyoal • Menganalisis • Membuat keputusan • Mentafsir maklumat • Menilai maklumat • Mengurus masa • Mereka strategik • Menyiasat • Membuat inferens • Merumus • membuat perkaitan dengan disiplin lain bagi menerbitkan usul/miqasid. 	POTENSI PENGAJIAN: <ol style="list-style-type: none"> 1. Berfikir secara kreatif, reflektif, kritikal, divergen, konvergen dan literal. 2. Proses membuat keputusan strategik, simpliks dan kompleks 3. Penaakulan secara kritikal berdasarkan logika, numerik dan analogis 4. Kemahiran sintesis seperti penggabungan, klasifikasi, bandingabeza atau penyerapan secara menegak dan mendatar 5. Proses merumus hipotesis, permasalahan atau perbahasan intelektual 6. Penglibatan dalam wacana intelektual. 	* Sumber: Sinergogi: Bina Insan Glokal: DBP 2007

Berdasarkan jadual di atas⁹, ternyata bahawa konsep pembangunan keupayaan pembelajaran sinergistik di kalangan pelajar

ktif

IPT perlu ada dari pengajian tahun 2 hingga 4 manakala pengjian tahun 1 hanyalah tahap pengenalan kepada pengajian yang diambil. Pelajar yang mampu menunjukkan keupayaan belajar secara terarah kendiri dan akses kendiri diterima sebagai individu yang memiliki kemahiran tinggi dalam pembelajaran sepanjang hayat.

Oleh kerana itu, tahap 1 tidak diambil wajar untuk pengurniaan ijazah tetapi lebih kepada menyediakan prasarana-prasarana sinergogi sebagai penuntut di institusi pengajian tinggi. Ia hanyalah 'take-off period' seperti rekreasi intelektual dan proses kematangan berbanding dengan tahap 2 dan 3 yang lebih mencabar.

Penutup

Saidina Umar Al Khattab r.a menulis kepada Abu Musa Al Asy'ari ketika melantiknya sebagai qadhi Basrah berbunyi¹⁰ :

"Gunakanlah fahaman terhadap apa yang terlintas pada fikiranmu dari apa yang tidak terdapat keterangan di dalam Al-Quran dan Sunnah, kemudian kenallah perkara-perkara yang serupa dan sama kemudian gunakanlah qiyas kesemua perkara-perkara di sisi engkau".

NOTA HUJUNG

- ¹ Mohd Nor Anuar (2009), *Budaya Penyelidikan di Sekolah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 24.
- ² Perkataan ini bukan hadith bahkan ia cuma perkataan orang ramai, maka tidak boleh dinisbahkannya kepada Rasulullah s.a.w. Sila rujuk: Syaikh Abd al-Fattah Abu Ghuddah (1998), *Qimma al-Zaman*, c. 8, Beirut: Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyyah, h. 30.
- ³ Mohd Azhar Abdul Hamid et. al (2004), *Andregogi-Mengajar Orang Dewasa Belajar; Siri Pembangunan Pendidikan*, Pahang: Penerbitan PTS.
- ⁴ Sunan al-Darimi, Bab: Fi Zihab al-'Ilm, no. hadith: 254.
- ⁵ Mohd Nor Bin Anuar (2009). *Budaya Penyelidikan di Sekolah*, DBP.
- ⁶ Mohd Nor Bin Anuar (2007), *Sinergogi: Bina Upaya Insan Glocal*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁷ Mohd Nor Anuar (2009), *Budaya Penyelidikan di Sekolah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 250. Sampel ni telah membantu penulis sebagai ketua modul program tersebut.
- ⁸ Mohd Nor Anuar (2009), *Budaya Penyelidikan di Sekolah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 310.
- ⁹ Mohd Nor Bin Anuar (2007), *Sinergogi: Bina Upaya Insan Glocal*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 135.
- ¹⁰ Haji Hassan bin Haji Ahmad (1998), *Usul Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 270.

